

Lupa keluarga terpukau 'amoi'

■ Isteri minta imigresen serbu restoran dipenuhi wanita warga asing

Oleh Norsharuddin Sapien
Lamut

Tolong serbu restoran itu. Suami saya sudah kerap balik lewat sejak menjadi pelanggan restoran yang dipenuhi wanita warga asing itu.

"Suami juga sudah mula tidak menghiraukan keluarga dan kerap menghabiskan wang dengan berfoya-foya di situ. Tolong serbu dan tahan wanita asing itu," rayu salah seorang isteri yang mengadu kepada Pejabat Imigresen Lumut.

Ketua Imigresen Lumut Nor Azman Ibrahim berkata, itu

antara puluhan aduan yang diterima daripada orang ramai yang melaporkan kegiatan wanita warga asing di restoran dan kedai makan di sekitar Sitiawan dan Seri Manjung, dekat sini.

Boleh dikatakan pihak Imigresen menerima aduan seperti itu setiap bulan yang mendesak pihaknya membuat serbuan.

"Hasil daripada aduan berikut kita sudah mengenal pasti lebih 80 restoran dan kedai makan yang menggunakan khidmat wanita war-

ga asing bagi menarik pelanggan. Kebanyakan wanita asing yang ditahan hasil serbuan yang dilakukan terdiri daripada warga Vietnam dan China," katanya selepas Program Malam Jalinan Mesra Jabatan Imigresen Lumut bersama Media Manjung, di DBatik Motel Teluk Batik, semalam.

Nor Azman berkata, sejak Ogos hingga Oktober lalu, pihaknya melakukan 27 operasi membabitkan 188 tangkapan.

FAKTA
Lebih
80 restoran,
kedai makan
menggunakan
khidmat wanita
warga asing

Kota Bharu: Seorang remaja lelaki mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di sini, semalam, terhadap tuduhan mengugut bunuh ibunya sambil mengacukan pisau, minggu lalu.

Tertuduh Mohamad Zawawi Mohd Noor, 18, dari Beris Kubur Besar, Tawang Bachok membuat pengakuan itu dihadapan Majistret Mohd Isa Mohamed sebaik tuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah.

Mengikut kertas tuduhan, tertuduh yang juga penganggur didakwa melakukan ugutan jenayah terhadap Tajidah Ali, 56, dengan menghunus sebilah pisau sambil berkata 'Aku bunuh mu, aku bunuh mu', pada jam 8 pagi, 28 Oktober lalu.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu di sebuah rumah di Kampung Beris Kubur Besar, Tawang Bachok yang boleh dihukum mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan boleh dipenjar dua tahun atau denda atau kedua-dua sekali.

Timbalan Pendakwa Raya Nurliyana Md Zukri tidak menawarkan sebarang jaminan kepada tertuduh kerana menetap bersama pengadu.

Tak mengaku ugut bunuh ibu



MOHAMAD dibawa keluar Mahkamah Sesyen selepas dituduh mengugut ibunya, dengan menghunus sebilah pisau.

nan kepada tertuduh kerana menetap bersama pengadu.

Mahkamah kemudian menetapkan 3 Disember depan sebagai tarikh sebutan semula kes.

Berdasarkan fakta kes, ke-

tika kejadian, tertuduh mengamuk dan memegang pisau serta mahu menikam ibunya apabila diajak ke hospital oleh bapa dan abang ipar untuk menjalani pemeriksaan kesihatan.



LAMBANG YANG MEMBAWA JENAMA ANDA KE PERSADA GLOBAL

Jenama anda melambangkan banyak perkara – kualiti produk atau perkhidmatan anda, reputasi organisasi anda, pengalaman pelanggan dan pelbagai lagi.

Dapatkan pengiktirafan Kualiti, Kecemerlangan dan Keunggulan untuk jenama anda dengan memanfaatkan Logo Kebangsaan Jenama Malaysia.

www.nationalmark.gov.my



15 Nov – 28 Dis 2014
Untuk maklumat lanjut, sila ke
www.nationalmark.gov.my

